

# KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 FEBRUARI, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



JAGDEEP Singh Deo bersama-sama Sr. Rozali Mohamud dan barisan kepimpinan MBSP menunjukkan buku Laporan Seberang Perai Low Carbon City 2016-2021 dalam Majlis Pengisytiharan Seberang Perai Sebagai Bandar Raya Rendah Karbon dekat Menara MBSP pada 30 Disember 2021.

# Seberang Perai diisytihar bandar raya rendah karbon

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MBSP**

**SEBERANG JAYA** – Seberang Perai diisytihar sebagai bandar raya rendah karbon selepas mencatatkan pengurangan kadar pelepasan karbon sebanyak 55.86 peratus pada tahun 2021 iaitu melebihi sasaran di peringkat kebangsaan.

Ketika mengumumkan perkara itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa pencapaian tersebut merupakan yang terbaik berbanding bandar-bandar lain di negara ini.

Lebih manis lagi menurut beliau, apabila kejayaan tersebut dicapai setahun lebih awal berbanding sasaran asal iaitu pengurangan pelepasan karbon sebanyak 50 peratus pada tahun 2022.

"Negara kita menyasarkan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030 dan berjaya mencapai 30 peratus sahaja setakat ini.

"Namun begitu, kita (Pulau Pinang) mempunyai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berjaya mencatatkan rekod tertinggi iaitu sebanyak 55.86 peratus kadar pengurangan pelepasan karbon.

"Ini merupakan agenda kita yang merupakan sebahagian daripada Visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau, pintar dan berfokuskan keluarga yang menginspirasikan seluruh negara.

"Justeru, saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Datuk Bandar dan Ahli-Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang bertungkus-lumus dalam menjayakan agenda ini," katanya semasa berucap pada Majlis Pengisytiharan Seberang Perai Sebagai Bandar Raya Rendah Karbon dekat Menara Bandar Raya MBSP di sini pada 30 Disember 2021.

Turut hadir, mantan Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; pemangku Setiausaha




Bandaraya, Baderul Amin Abdul Hamid serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai MBSP.

Dalam sidang media selepas itu, Jagdeep menegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi merealisasikan visi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri sifar karbon.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan berhenti di sini sahaja, sebaliknya kita akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif sehingga sasaran yang ditetapkan tercapai.

"Salah satu contoh usaha yang telah kita laksanakan adalah program penanaman pokok yang mana setakat ini sebanyak 470,000 pokok telah ditanam daripada sasaran iaitu 500,000 pokok menjelang tahun 2030.

"Semalam (29 Disember 2021) saya telah umumkan sasaran baru iaitu kita akan menanam sebanyak 600,000 pokok," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Sementara itu, Rozali memberitahu bahawa Bandar Raya Seberang Perai mencapai kadar pelepasan karbon dioksida ($Co2$) per kapita sebanyak 5.39 tan yang mana ia lebih rendah berbanding tahap dunia iaitu 5.47 tan.

"Dari tahun 2016 hingga 2021, sebanyak 18.8 juta tan pelepasan karbon telah dikurangkan dan ini merupakan yang terbanyak dapat kita hasilkan.

"Paling penting adalah kiraan-kiraan ini telah mendapat pengesahan daripada *Carbon Disclosure Project* (CDP) oleh *Local Governments for Sustainability* atau ICLEI iaitu sebuah pertubuhan pada peringkat antarabangsa.

"Selain itu, Seberang Perai juga disenaraikan sebagai salah satu *A-List City* selama tiga tahun berturut-turut, dan menjadi antara 10 bandar raya terbaik dunia yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan pelepasan karbon," jelasnya lagi.

# Batu Sempadan British-Siam, peninggalan sejarah amat berharga

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PINANG TUNGGAL -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memastikan Batu Sempadan British-Siam berusia 152 tahun yang terletak di kawasan terpencil di Kampung Ekor Kuching dekat sini terpelihara sebagai salah satu arca peninggalan sejarah yang paling berharga.

Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Berhad (PBAHB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa batu itu dipercayai dibina untuk menandakan sempadan dengan termeterainya perjanjian antara dua wilayah jajahan British dan Kerajaan Siam pada tahun 1869 yang mana pada ketika itu, Pulau Pinang berada di bawah pentadbiran British manakala Kedah pula di bawah pemerintahan Siam.

"Kedudukan batu sempadan ini tidak ramai yang tahu tetapi kewujudannya menjadi peringatan peristiwa yang membawa kepada pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara dan Pulau Pinang sebagai salah sebuah negeri di bawahnya.

"Deskripsi yang tertera pada batu itu ditulis dalam tulisan rumi, Thai serta Jawi dan berbunyi sebagai 'British and Siamese Boundary' dalam bahasa Inggeris.

"Selain menentukan sempadan, batu sempadan tersebut juga dianggap sebagai penanda penting dalam sejarah Pulau Pinang dan Malaysia.

"Maka, amat penting bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang memulihara dan melindungi batu sempadan ini meskipun kini dalam keadaan terabai dan terhakis ditelan masa kerana ia akan mengingatkan semua rakyat Pulau Pinang tentang sejarah negeri ini," ujarnya sejurus mengadakan lawatan ke lokasi berkaitan bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 15 Disember 2021.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Profesor Dr. P. Ramasamy dan mantan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Konsul Jeneral Thailand di Pulau Pinang, Ratchada Jiwalai dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri, Lay Hock Peng antara yang turut hadir.

Difahamkan, Batu Sempadan British-Siam ini telah dimasukkan dalam senarai struktur warisan di bawah MBSP namun ia perlu diwartakan oleh Jabatan Warisan Negara.




**BATU Sempadan British-Siam yang terletak di Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara.**

**IR. Jaseni Maidinsa (kiri sekali) memberi penerangan berkaitan Batu Sempadan British-Siam kepada Ketua Menteri dan juga Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kiri) serta Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.**

## Latihan bantuan kecemasan kepada ahli kariah, jadikan masjid tempat lebih selamat

**BERTAM –** Peranan institusi keagamaan terutamanya masjid dan surau bukan hanya sebagai tempat beribadat semata-mata sebaliknya turut menjadi pusat penganjuran bagi pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Berlandaskan keadaan tersebut, *Penang Heart Safe Society* bersama-sama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) mengambil inisiatif menganjurkan jelajah program bantuan pernafasan (CPR) dan penggunaan alatan defibrilator luaran automatik (AED) dalam kalangan ahli kariah masjid di seluruh negeri ini.

Program tersebut turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) serta Pejabat Exco Hal Ehwal Agama Islam dan Pejabat Exco Kesihatan negeri Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa penganjuran program berkenaan adalah bertujuan menjadikan masjid-masjid di negeri ini sebagai tempat yang lebih selamat untuk masyarakat setempat.

"Masjid merupakan pusat komuniti dan sentiasa menjadi tumpuan orang ramai…jadi, kemungkinan untuk berlakunya insiden serangan jantung di masjid-masjid adalah agak tinggi.

"Oleh itu, kita adakan program demonstrasi teknik CPR dan penggunaan AED ini kepada pentadbir-pentadbir masjid di seluruh negeri untuk membolehkan mereka mendapat ilmu tentang bantuan kecemasan sekiranya berlaku kes serangan jantung mengejut.

"Selain demonstrasi kepada pentadbir masjid, kita juga edarkan video pembelajaran berkaitan teknik CPR dan penggunaan mesin AED yang boleh dijadikan rujukan oleh ahli-ahli kariah di masjid masing-masing," katanya pada sidang media selepas merasmikan program siri jelajah CPR dan AED dalam kalangan kariah masjid seluruh negeri dekat Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas dekat sini pada 15 Disember 2021.

Turut hadir, Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; Pengarah JHEAIPP, Dato' Mohd. Zakuan Zakaria; Pengarah JKNPP, Dr. Ma'arof Sudin; Pengerusi Penang Heart Safe Society, Datuk Dr. Luah Lean Wah serta Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Zulkifli Rashid.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti menyatakan bahawa kini terdapat dua masjid di negeri ini mempunyai kemudahan mesin AED iaitu Masjid Jamek Sungai Gelugor dan Masjid Negeri.

"InsyaAllah kita rancang untuk membekalkan lebih banyak alatan AED kepada masjid-masjid di seluruh negeri, dan pada tahun 2021 kita adakan aktiviti penerangan tentang CPR dan penggunaan AED terlebih dahulu.

"Kita mulakan dengan menjemput dua pentadbir dari setiap masjid di seluruh Daerah Seberang Perai Utara (SPU), dan pada masa akan datang kita akan bergerak ke semua daerah di negeri ini.

"Bukan itu sahaja, setiap masjid juga akan dibekalkan dengan video pembelajaran untuk memudahkan ahli-ahli kariah mempelajari tentang teknik CPR dan penggunaan mesin AED ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.




KETUA Menteri ketika mengadakan lawatan ke salah sebuah syarikat yang beroperasi di GBS@ Mahsuri bersempena majlis perasmian bangunan berkaitan di sini baru-baru ini.

# GBS demi penuhi permintaan pasaran

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN LEPAS –** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menyasarkan untuk mewujudkan dua lagi ruang Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) di negeri ini bagi memenuhi keperluan pasaran berkaitan yang semakin meningkat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sekiranya kedua-dua ruangan tersebut digabungkan, ia akan membentuk keluasan kira-kira 600,000 kaki persegi memandangkan setiap kemudahan GBS ditetapkan seluas 300,000 kaki persegi.

"Sudah ada perancangan untuk membangunkan dua bangunan GBS ini, tetapi ia ditangguhkan kerana keadaan pasaran.

"Sekarang permintaan sudah ada, oleh itu PDC akan mengaktifkan semula rancangan tersebut, dan kami berharap kedua-dua kemudahan GBS ini dapat disediakan dalam masa dua hingga tiga tahun," katanya kepada pemberita selepas merasmikan GBS@Mahsuri dekat sini pada 8 Disember 2021.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari dan Penasihat Khas Pelaburan kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon.

Mantan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; mantan Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar dan Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian juga turut hadir.

Terdahulu, PDC telah menubuhkan ruang GBS pertamanya dekat tapak Mayang Mall iaitu sebuah bangunan berstatus MSC (Koridor Raya Multimedia) yang dijenamakan semula sebagai GBS@Mayang, dan disusuli dengan pembukaan kemudahan bercirikan reka bentuk moden, GBS@Mahsuri.

Ruang GBS@Mahsuri setinggi dua tingkat itu terletak di kawasan seluas 3.1 ekar dan siap dibina pada 1 Oktober 2020 dengan kos bernilai RM21 juta manakala kawasan sewaan bersih seluas 80,116 kaki persegi.

Pada masa ini, kemudahan itu menempatkan empat syarikat multinasional (MNC) terkemuka iaitu Cisco Systems (M) Sdn. Bhd., Clarivate (M) Sdn. Bhd., Emerald Global Services Sdn. Bhd. dan Teleperformance Malaysia Sdn. Bhd..

Tambah Kon Yeow, kini Pulau Pinang menempatkan lebih daripada 60 GBS yang menyediakan perkhidmatan untuk operasi peringkat global dan Asia Pasifik selain menerima permintaan berterusan MNC untuk mendapatkan ruang GBS.










1. RUPA bentuk GBS@Mahsuri.
2. RUANG pengoperasian dan pejabat yang menarik serta selesa.
3. RUANG hijau yang dijadikan elemen reka bentuk utama.

"GBS ialah evolusi perkongsian perkhidmatan dan Proses Perniagaan Penyumberan Luar (BPO) yang mana kedua-duanya tertumpu kepada peningkatan kecekapan proses dan mengurangkan kos," ujarnya lagi.

## Visi Penang2030 pelengkap keseimbangan pembangunan negeri

**GEORGE TOWN –** Visi Penang2030 iaitu ke arah sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara yang digagaskan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bakal menjadi pelengkap kepada keseimbangan keseluruhan pembangunan negeri Pulau Pinang.

Oleh itu, beliau amat berharap agar komitmen profesion perancang bandar akan terus gemilang dalam merangka dasar pembangunan negeri yang inklusif, sekali gus membantu Pulau Pinang merealisasikan visi tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) sebenarnya amat bergantung kepada profesional perancang bandar sama ada di peringkat Persekutuan, negeri mahupun pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perancangan bandar dan desa di negeri Pulau Pinang sehingga landskap fizikal negeri begitu banyak berubah dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

"Pencapaian perancangan bandar yang kita lihat ini adalah hasil daripada pelbagai input, kritikan, pemantauan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya.

"Ini menjadikan kita sangat prihatin serta berwaspada dalam melaksanakan pembangunan projek sehingga tidak menjejaskan kelestarian dan kemampanan Pulau Pinang sebagai negeri yang menawarkan daya huni yang lestari kepada rakyat di negeri ini," katanya ketika merasmikan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang dekat Komtar di sini 8 Disember 2021.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; mantan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; Timbalan Ketua Pengarah PLANMalaysia, Datuk Tpr. Faidzal Hamzah serta Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang, Tpr. Rozita Hamit.

Tambah Kon Yeow, pelbagai kemajuan yang telah dinikmati rakyat Pulau Pinang adalah hasil daripada perancangan dan pembangunan yang sangat teliti sepanjang 100 tahun profesion perancang bandar wujud di negara ini.

"Sekalung tahniah saya ucapkan kepada PLANMalaysia@Pulau Pinang selaku peneraju, pakar rujuk serta penasihat Kerajaan Negeri dalam perancangan bandar dan desa kerana proaktif melaksanakan pelbagai program selama ini.

"Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perancang Negeri, saya amat pasti tugas serta tanggungjawab profesion ini adalah tidak mudah seperti yang kita semua sangkakan," ujarnya.

Dalam pada itu, Jadgeep berkata bahawa cabaran utama yang dihadapi Pulau Pinang dalam aspek perancangan bandar adalah dari segi perumahan khususnya rumah mampu milik.

"Dalam mana-mana perancangan di negeri Pulau Pinang ini, apa yang paling penting adalah kita perlu mengambil input daripada rakyat sepertimana penyediaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 yang diwartakan pada 24 Oktober 2021.

"Ini juga termasuk beberapa rancangan tempatan yang sedang dalam proses untuk mendapatkan input, kajian serta penelitian sebelum diwartakan," ulasnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep turut mengingatkan bahawa sesuatu perancangan dilaksanakan di negeri Pulau Pinang adalah perlu mengambil kira krisis perubahan iklim yang sedang melanda dunia ketika ini.

# Kenal pasti lokasi wujudkan pusat belia

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **EXCO**

**PULAU BETONG** – Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee menyarankan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri ini supaya mengenal pasti lokasi-lokasi sesuai untuk mewujudkan pusat belia di kawasan masing-masing.

Mengulas lanjut, Lip Chee menyatakan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pusat belia di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini bagi menggalakkan penglibatan belia dalam program serta aktiviti kemasyarakatan setempat.

"Saya menyeru supaya ADUN-ADUN dapat bekerjasama dengan pihak Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) untuk mengenal pasti tempat yang sesuai dijadikan sebagai pusat belia pada kadar segera.

"Ketika ini, telah ada tiga pusat belia di Pulau Pinang iaitu di Penaga; Balik Pulau dan Bertam, selain yang terbaharu di Penanti," katanya pada Majlis Perasmian Pusat Belia Balik Pulau dekat Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kuala Jalan Bharu di sini 11 Disember 2021.

Difahamkan, Pusat Belia Balik Pulau telah dibuka pada 27 Ogos 2021, namun dek kerana pelbagai kekangan maka dirasmikan pada 11 Disember 2021.

Dalam pada itu, Pengurus Besar PYDC, Dr. Gwee Sai Ling yang turut hadir pada majlis berkaitan menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penubuhan Pusat Belia Balik Pulau.

"Saya ingin berterima kasih kepada pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dan *Book Island* (syarikat penerbitan buku) yang telah menyumbangkan sebanyak 400 buku untuk kegunaan di Pusat Belia Balik Pulau.

"Semoga dengan sumbangan ini dapat membantu melahirkan belia yang rajin membaca dan celik minda," ujarnya.

Serentak dengan perasmian Pusat Belia Balik Pulau, turut diadakan beberapa program selingan antaranya pameran kerjaya dan temu duga terbuka oleh kilang Flex dan Greatech Technology Berhad, pameran oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang dan klinik sukan oleh pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Turut menjayakan perasmian tersebut, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), MPKK Kuala Jalan Bharu dan Rukun Tetangga setempat.




**SOON Lip Chee (berdiri, lima dari kiri) menunjukkan jaket MPKK Biro Belia sejurus Majlis Perasmian Pusat Belia Balik Pulau di sini baru-baru ini.**

## Nicol David, Duta Pelancongan Pulau Pinang 2022

**GEORGE TOWN** – Bekas ratu squasy kebangsaan, Nicol Ann David dilantik sebagai Duta Pelancongan Pulau Pinang bagi tahun 2022.

Ketika berucap, Nicol menyifatkan bahawa pelantikan tersebut sebagai peluang untuk beliau mempromosikan industri pelancongan Pulau Pinang ke persada antarabangsa.

"Ini merupakan satu penghormatan kepada saya kerana Pulau Pinang adalah 'rumah' serta tempat saya membesar, dan saya akan membawa identiti Pulau Mutiara sampai bila-bila.

"Seperti yang kita ketahui, Pulau Pinang mempunyai banyak produk pelancongan untuk diketengahkan seperti makanan, warisan dan kebudayaan.

"(Dan) sememangnya menjadi impian saya untuk menyumbang kembali kepada negeri kelahiran saya sendiri.

"Justeru, saya berharap pelantikan sebagai duta ini mampu menggalakkan lagi sektor pelancongan Pulau Pinang dengan menarik lebih ramai pelancong dari dalam mahupun luar negara," ujarnya dalam majlis pengumuman beliau sebagai Duta Pelancongan Pulau Pinang di sini 23 Disember 2021.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow antara tetamu kehormat yang hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus; Konsul Jeneral Jepun ke Pulau Pinang, Hiroyuki Orikasa; Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan serta ibu bapa kepada Nicol iaitu Desmond David dan Ann Marie David.

Sementara itu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menyuntik dana berjumlah RM50 juta bagi menggalakkan semula sektor pelancongan Pulau Pinang.

"Suntikan dana tersebut merangkumi pembangunan projek, promosi lokasi pelancongan, geran dan subsidi pemangkin pelancongan dan perkara-perkara berkaitan.

"Kerajaan Negeri meletakkan segala usaha dalam membantu pemain-pemain industri ini untuk mendapatkan kembali momentum seperti sebelum pandemik COVID-19," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.




**NICOL Ann David menunjukkan poster promosi sejurus pengumuman beliau sebagai Duta Pelancongan Pulau Pinang 2022 di sini baru-baru ini.**

## Anak yatim COVID-19 terima sumbangan

**PENANTI** – Ekoran penularan wabak pandemik COVID-19, beberapa keluarga yang kurang bernasib baik perlu mengharungi kematian ibu bapa tersayang akibat tidak dapat diselamatkan daripada virus tersebut.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin menyatakan bahawa sebuah pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO), *Lions Club of Bayan Baru* telah berjaya mengutip dana untuk disumbangkan kepada kanak-kanak daripada keluarga isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) yang terkesan akibat COVID-19.

"Seramai 52 kanak-kanak diberi sumbangan wang tunai berjumlah RM600 tajaan pertubuhan berkaitan, manakala pihak saya telah menyumbang baucar berjumlah RM150 kepada 130 pelajar bukan Islam bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti.

"Diharapkan sumbangan ini dapat menjadi motivasi untuk anak-anak belajar dengan bersungguh-sungguh dan juga membantu mereka yang memerlukan pada masa hadapan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti pada program sumbangan kepada anak yatim akibat COVID-19 di sini pada 23 Disember 2021.



**DR. Norlela Ariffin (kanan sekali) dan Mohd. Tuah Ismail (bersongkok hitam) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima pada program sumbangan kepada anak yatim akibat COVID-19 di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Presiden Lions Club of Bayan Baru, Leena Lee Soch Khim, Naib Pengerusi, Cheah Chin Wah dan ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail.

Dalam sesi sama, Leena turut memaklumkan bahawa sejak awal pandemik lagi pertubuhan diwakili beliau giat membantu golongan memerlukan terutamanya para pelajar yang memerlukan kelengkapan semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

# Sumbangan Ketua Menteri tepat masanya lancarkan urusan peperiksaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SUSULAN** prestasi akademik yang agak memberangsangkan, Kolej Tingkatan Enam Desa Murni dekat Sungai Dua antara institusi pendidikan awam yang memperoleh perhatian daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pada awal Oktober 2021, kolej berkenaan turut mendapat bantuan kewangan berjumlah RM30,000 daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bagi membantu para pelajar menduduki peperiksaan selain melancarkan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

## Sistem audio

Pengetuanya, **NOOR AISHAH ABU HASSAN** menyifatkan bantuan itu diberikan tepat pada masanya memandangkan semua pelajar tingkatan enam dijadualkan menduduki peperiksaan penting pada bulan tersebut.

Malah menurut beliau, sumbangan tersebut turut memberi kelegaan kepada pentadbir kolej yang pada ketika itu amat memerlukan kelengkapan untuk membantu para pelajar menduduki peperiksaan *Malaysian University English Test* (MUET) dengan lancar khususnya bagi kertas *'Listening'*.

"Sebelum pandemik COVID-19, pelajar menduduki peperiksaan MUET bagi kertas *'Listening'* di dalam satu dewan kerana ia memerlukan audio.

"Namun, selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19, pelajar perlu diletakkan di dalam kelas untuk memastikan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) terutamanya dari segi penjarakan fizikal.

"Ini bermakna peperiksaan MUET yang dijalankan serentak pada 23 Oktober 2021 tidak boleh dibuat di dalam satu dewan peperiksaan 100 peratus sebagaimana lazimnya dilakukan sebaliknya perlu diasingkan dalam beberapa kelas.

"Setiap kelas pula dihadkan kepada 10 pelajar sahaja, dan ini bermakna kita (pentadbir kolej) perlu menggunakan beberapa kelas sekali gus memerlukan banyak sistem audio seperti pembesar suara dan radio," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada 17 Disember 2021.

Noor Aishah menyatakan bahawa pihaknya sebelum itu pernah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (Pulau Pinang) bagi mendapatkan kemudahan tersebut tetapi gagal atas faktor kekurangan peruntukan.

"Kita juga pernah minta bantuan untuk mendapatkan radio daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) tetapi diberitahu ia tidak mencukupi kerana banyak sekolah memerlukan kelengkapan yang sama.

"Jadi kami memaklumkan kepada pejabat Ketua Menteri mengenai keperluan pihak kolej membeli audio untuk digunakan semasa peperiksaan MUET.

"Pada bulan Jun kami diminta mengemukakan surat permohonan dan kemudiannya disusuli dengan kertas kerja, alhamdulillah… pada awal bulan Oktober 2021, kami berjaya mendapatkan peruntukan yang diperlukan," ulasnya lanjut.

Beliau memberitahu bahawa pihaknya berdepan masalah untuk menyediakan radio bagi membolehkan pelajar menduduki peperiksaan pada waktu tersebut di samping kesempitan masa untuk mendapatkan radio dalam kuantiti yang banyak.

"Walau bagaimanapun, melalui sumbangan Ketua Menteri, kami berjaya menyediakan sistem audio yang diperlukan untuk peperiksaan MUET, dan pada masa sama ia telah memudahkan barisan pengajar serta pihak kolej.

"Sekarang kami berasa sangat lega kerana pelajar-pelajar dapat menggunakan kemudahan ini semasa menjalani peperiksaan bukan sahaja untuk subjek MUET tetapi juga untuk kertas ujian yang lain.

"Oleh itu, saya mewakili pihak kolej ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Menteri kerana telah memberi peruntukan kepada kami," ujarnya mesra.

## Bantuan komputer riba

Selain sumbangan kewangan, beliau berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menyalurkan bantuan pinjaman komputer riba kepada pelajar yang memerlukan di bawah Program Komputer E-Pembelajaran.

"Ada juga dalam kalangan pelajar kami yang berdepan masalah ketiadaan komputer riba untuk menjalani sesi PdPR kerana sebahagian daripada mereka datangnya daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

"(Dan) selepas memohon kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, seramai empat orang daripada 32 pelajar kami layak menerima bantuan pinjaman komputer riba," jelasnya.

Difahamkan, Kolej Tingkatan Enam Desa Murni telah dinaik taraf daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Murni pada tahun 2019, dan menempatkan hampir 400 pelajar tingkatan enam atas serta enam bawah dari sekolah-sekolah di sekitar kawasan Kepala Batas.

Mengulas mengenai prestasi cemerlang kolej berkenaan, Noor Aishah menyatakan bahawa seramai lima pelajar berjaya mencatatkan keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 4.0 dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2019 dan 2020.

"Kesemua pelajar yang mendapat CGPA 4.0 mendapat anugerah dan insentif berjumlah RM1,000 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Selain itu, Kolej Tingkatan Enam Desa Murni mencatatkan 100 peratus pelajar yang lulus peperiksaan STPM dan layak mendapat sijil penuh pada setiap tahun sejak 2019," ulasnya lanjut.









**1. PEMBESAR suara yang dipasang di dalam setiap kelas.**
**2. SISTEM audio yang yang dibeli menggunakan peruntukan daripada Ketua Menteri berharga kira-kira RM30,000.**
**3. SIJIL pencapaian diterima Kolej Tingkatan Enam Desa Murni.**

# Tanam 600,000 pokok menjelang 2030

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Negeri menetapkan sasaran baharu bagi penanaman 600,000 pokok di seluruh negeri menjelang tahun 2030.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa Kerajaan Negeri sebelum ini telah meningkatkan sasaran penanaman pokok baharu kepada 500,000 pokok.

"Pada 2018, Kerajaan Negeri meningkatkan sasaran kepada 500,000 pokok baharu ditanam menjelang tahun 2030.



**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) bersama-sama barisan jemputan menunjukkan hasil tanaman pada Majlis Pengukuhan Kebun-Kebun Komuniti di sini baru-baru ini.**




**PROJEK Kebun Komuniti yang dijalankan.**

"(Dan) sasaran ini dilihat selaras dengan kempen penanaman 10 juta pokok setahun di seluruh negara oleh Kerajaan Persekutuan serta agenda negeri ke arah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," ujarnya pada sidang media sejurus Majlis Pengukuhan Kebun-Kebun Komuniti dekat Jalan York di sini 29 Disember 2021.

Hadir sama, Timbalan Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia @Pulau Pinang, Tpr. Mohd. Bashir Sulaiman; Ketua Penolong Pengarah PLANMalaysia @ Pulau Pinang, Mohd. Rozaimi Abdul Rahim; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Nicholas Theng Jie Wey dan Harvinder Singh serta Pembantu Kesihatan Awam (Kanan) MBPP Zon Jelutong, Khoo Eng Chong.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa sejak tahun 2018 sehingga November 2021, sejumlah 470,050 pokok ditanam oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

"MBPP telah menanam sebanyak 97,981 pokok manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebanyak 61,779 pokok.

"Kerajaan Negeri akan terus menanam lebih banyak pokok dan saya sendiri yakin bahawa kita mampu mencapai sasaran 600,000 pokok menjelang tahun 2030," katanya.

# 2022 – Cabaran dan Harapan

**Pelbagai** kenangan suka dan duka mewarnai tahun 2021. Di kala negara berada di fasa pemulihan daripada pandemik COVID-19 dan semua sektor perniagaan dan perkhidmatan telah dibuka bagi merancakkan semula ekonomi, kita dikejutkan dengan banjir yang melanda beberapa daerah di Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka. Tragedi banjir yang disifatkan luar daripada kebiasaan ini bukan sahaja menyebabkan kerugian harta benda malah menyebabkan kehilangan nyawa. Semua ini menambah duka kepada mereka yang masih belum pulih dari kesan pandemik COVID-19.

Rata-rata mangsa banjir telah mengalami kerugian seperti kerosakan tempat tinggal dan harta benda seperti peralatan elektrik, perabot, kenderaan dan sebagainya. Semua ini memerlukan perbelanjaan tambahan atau perbelanjaan luar jangka dan mengambil masa untuk pulih seperti sediakala. "Sudah jatuh ditimpa tangga" mungkin perumpamaan yang tepat bagi sebahagian mereka yang ditimpa musibah banjir ini setelah hampir dua (2) tahun terkesan oleh wabak COVID-19 yang menjejaskan mata pencarian dan pendapatan isi rumah serta peniagaan.

## Sediakan Payung Sebelum Hujan

Bagi mereka yang tinggal di kawasan yang kerap atau berpotensi dilanda banjir, mengambil polisi insurans yang bersesuaian dapat mengurangkan impak kewangan apabila dilanda musibah sebegini. Namun apa yang mengejutkan, kira-kira 74 peratus pemilik rumah tidak mempunyai perlindungan terhadap kerosakan akibat banjir. Ini ialah hasil kaji selidik Impak Pandemik Terhadap Perlindungan oleh salah satu pengendali insurans utama di Malaysia yang dibuat pada bulan September 2021 yang lalu. Kajian yang sama juga mendapati, 59 peratus pemilik rumah tidak dilindungi untuk kerosakan akibat kebakaran. Manakala 43 peratus pemilik rumah tidak menyedari bahawa kandungan rumah seperti perabot, peralatan elektrik, peranti mudah alih dan sebagainya tidak semestinya dilindungi di bawah insurans atau takaful rumah. Seterusnya kaji selidik ini juga menunjukkan satu daripada tiga pemilik rumah (33 peratus) yang diinsuranskan tidak mempunyai perlindungan kandungan rumah.

Tidak ramai pemilik insurans kediaman yang benar-benar memahami perlindungan yang diliputi oleh polisi mereka. Dalam erti kata lain, mereka tidak memahami risiko yang dilindungi polisi kediaman mereka. Selain tidak memahami risiko, isu lain yang pemilik kediaman terlepas pandang ialah hartanah tidak dilindungi dengan nilai semasa hartanah tersebut. Apabila pemilik melanggan insurans pada kadar yang lebih rendah daripada nilai rumah, ia turut menjejaskan jumlah pampasan yang bakal dituntut. Pendapat ini disuarakan oleh Profesor Madya Dr Nurul Shahnaz Ahmad Mahdzan, Ketua Jabatan Kewangan dan Perbankan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya dalam temu ramah yang disiarkan dalam Harian Metro bertarikh 29 Januari 2021 yang lalu.

Sudah sampai masanya program literasi kewangan memberi penekanan kepada kepentingan perlindungan insurans dan takaful. Agensi-agensi di bawah Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) boleh bekerjasama dengan pengendali-pengendali insurans dan takaful untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang kepentingan perlindungan insurans untuk rumah kediaman dan harta benda termasuk kenderaan. Perlindungan asas insurans kenderaan hanya melindungi kenderaan apabila terlibat dengan kemalangan dan kebakaran tetapi kerosakan akibat bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan pokok tumbang tidak dilindungi. Pemilik kenderaan perlu mengambil insurans tambahan yang dipanggil perlindungan peril khas (bencana alam) untuk memastikan kerosakan kenderaan yang diakibatkan oleh bencana alam dilindungi oleh syarikat insurans dan takaful. Perlindungan tambahan untuk rumah kediaman, kandungan rumah kediaman dan perlindungan peril khas (bencana alam) dapat mengurangkan impak kewangan yang dihadapi oleh mereka yang terlibat dengan bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, ribut dan sebagainya. Bantuan berbentuk kewangan dan peralatan rumah yang disumbangkan oleh pihak kerajaan, NGO dan orang perseorangan biasanya terhad dan tidak mampu menampung semua kerugian yang dialami. Memiliki polisi insurans yang betul merupakan kunci kepada kesejahteraan kewangan pasca bencana alam.

Atas keprihatinan yang sama juga, para peminjam/pelanggan Program Pengurusan Kredit (PPK) AKPK yang terjejas akibat banjir boleh memohon penangguhan sementara bayaran bulanan mereka melalui portal pelanggan dengan memuat naik surat akuan kendiri yang menyatakan bahawa mereka terkesan akibat banjir tersebut. Semoga 2022 membawa sinar baru kepada kita semua. Kami di AKPK sentiasa bersedia membantu individu dan Perusahan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menghadapi masalah berkaitan kewangan dan hutang. Dapatkan pelan penyelesaian pengurusan kewangan yang holistik terus daripada AKPK SECARA PERCUMA—TANPA EJEN. Layari *services.akpk.org.my* untuk perkhidmatan AKPK.

**#AKPKSahabatKewanganAnda**

# Rumah warisan dalam proses pewartaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**JIKA** dilihat dari segi luarannya, rumah kayu yang sudah usang dan hampir runtuh dekat Kampung Bagan Belat, Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara (SPU) ini seakan-akan tidak memberi sebarang nilai kepada masyarakat setempat.

Namun, tahukah kita bahawa rumah tinggal ini sebenarnya menyimpan banyak nilai warisan sejarah yang signifikan terhadap usaha pembebasan Tanah Melayu daripada penguasaan penjajah asing sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Berusia 131 tahun, rumah yang dibina oleh pemiliknya, Haji Hashim Itam atau lebih dikenali sebagai 'Hashim Kerani' pada tahun 1890 kini dalam proses untuk diwartakan sebagai rumah warisan bagi memelihara nilai budaya dan sejarahnya.







**1. KEADAAN rumah warisan kini.**

**2. BAHAGIAN dalam rumah.**

**3. OOI Yong Wooi menunjukkan kaedah pemasangan tiang rumah warisan yang menggunakan kayu pasak.**

**4. MOHD. Zulkharinine Abdul Aziz bergambar di hadapan rumah warisan yang terletak di Kampung Bagan Belat, Teluk Air Tawar.**

## Salasilah

Bercerita lanjut, **MOHD. ZULKHARININE ABDUL AZIZ**, 54, yang merupakan cucu kepada Haji Hashim Itam memberitahu bahawa sentuhan seni bina rumah warisan tersebut adalah berasal daripada masyarakat Melayu Setol di Thailand.

"Salasilah keluarga Haji Hashim Itam adalah berasal dari Baghdad, Iraq yang kemudiannya berhijrah ke Satun di Siam (Thailand) pada tahun 1871, sebelum berpindah ke Pulau Pinang.

"Sebab itulah kalau kita lihat bukan sahaja seni binanya mempunyai pengaruh masyarakat Setol (Satun), malah semua bahan binaan rumah ini juga dibawa khas dari sana.

"Uniknya, seni bina asal rumah ini ialah tandas dan ruang mandi berada di atas," katanya kepada Buletin Mutiara ketika mengadakan lawatan ke rumah warisan itu baru-baru ini yang turut dihadiri oleh Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ooi Yong Wooi.



Tambah beliau, rumah tersebut pernah dipindahkan ke Padang Benggali semasa zaman penaklukan Jepun pada tahun 1941, dan kemudiannya kembali ke tapak asal pada 1945 iaitu selepas tamat Perang Dunia Kedua.

"Masa zaman Jepun, lapangan terbang dibina di kawasan berdekatan, jadi kawasan kampung di sekitar terpaksa berpindah ke kawasan lain.

"(Dan) atas sebab inilah (pindah tapak) saya difahamkan rumah ini dikatakan belum memenuhi kriteria untuk diwartakan sebagai rumah warisan sebelum ini," ujarnya.

Mengulas mengenai peribadi Haji Hashim, Mohd. Zulkharinine menjelaskan bahawa tokoh tempatan itu pernah dilantik sebagai 'kerani besar' di Pejabat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) pada tahun 1954 iaitu semasa zaman penjajahan Inggeris.

"Pada masa itu, jawatan kerani besar mempunyai kedudukan yang sangat tinggi... pada masa sekarang ia sama *level* dengan Pegawai Daerah.

"Haji Hashim mempunyai latar pendidikan tinggi dan beliau merupakan antara orang Melayu terawal yang mempunyai sijil kelulusan *Senior Cambridge* serta merupakan antara pemimpin utama Umno (*The United Malays National Organisation*) di kawasan Bagan," jelasnya.

Beliau berkata, rumah warisan tersebut mempunyai nilai yang tersendiri terutamanya melibatkan sejarah kemerdekaan membabitkan penglibatan tokoh-tokoh terkemuka negara.

"Pada masa itu, Tunku Abdul Rahman (Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah) selalu datang bermesyuarat di sini bersama-sama Syeikh Abdullah Fahim Syeikh Ibrahim (Abdullah Fahim) serta Haji Hashim sendiri.

*(Sambungan di muka 15).*

# Jaga khazanah



AZMAN Saad menjelaskan mengenai keistimewaan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di dalam hutan tropika serta proses merekodkan usia serta spesies pokok yang terdapat di Taman Rimba Bukit Mertajam, Cherok Tok Kun.

**TAMAN** Rimba Bukit Mertajam dekat Cherok Tok Kun merupakan antara destinasi eko pelancongan yang menarik dan unik di negeri ini.

Pokok balak jenis 'Mengkundur' antara tarikan pengunjung, baik dari dalam negara mahupun pelancong asing.

Difahamkan, ada sebatang pokok itu sahaja dalam hutan simpan negeri yang terletak dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubuk.

Banir atau akar pokok gergasi di atas tanah kelihatan jauh lebih besar berbanding ketinggian rata-rata pengunjung yang pernah merakamkan gambar kenang-kenangan di sini.

Banir pokok yang berusia lebih 70 tahun itu sahaja adalah lebih kurang 2.3 meter (m), sementara tinggi tumbuhan gergasi pula kira-kira 70m. Bayangkan!

Pun begitu, Pegawai Hutan Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah, **AZMAN SAAD** memberitahu bahawa saiz serta ukur lilit 'pokok gergasi' itu boleh dikatakan tidak begitu besar kalau dinisbahkan kepada pokok jenis balak lain yang terdapat di beberapa hutan simpan kekal sekitar Semenanjung Malaysia.

"Selain pendaki bukit, mereka yang ada hobi melihat burung *(bird watching)* atau mandi rimba *(forest bathing)* serta selebriti media sosial *(Instafamous)*, kalau berkunjung ke Taman Rimba Bukit Mertajam ini, pasti tidak akan melepaskan peluang merakamkan gambar kenang-kenangan di 'pokok gergasi' itu," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** baru-baru ini.

Selain itu, Azman yang tidak kisah dipanggil 'Renjer Hutan' memberitahu bahawa untuk sampai ke pokok gergasi tersebut dari kaki bukit dan menelusuri denai-denai hutan yang rasmi disediakan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, akan memakan masa kurang daripada 30 minit.

"Ada sepokok itu sahaja yang ramai orang panggil sebagai 'pokok gergasi'… tak ada 'kawan' (spesies sama) lain di sini," selorohnya.

Bercerita lanjut mengenai keistimewaan hutan tropika seperti di Cherok Tok Kun, Azman memberitahu bahawa usia satu-satu flora bukanlah bergantung kepada saiz besar atau kecil.

"Ada ukur lilit pokok tidak terlalu besar tetapi usianya boleh lebih 100 tahun, itulah antara uniknya pokok dalam hutan tropika yang mungkin tidak terdapat di hutan-hutan yang lain.

"Jenis hutan lain di Barat, bilangan lingkaran dalam badan pokok adalah mewakili bilangan usia satu-satu pokok dalam (kiraan tahun).

"Macam 'pokok gergasi' (Mengkundur) yang terdapat di hutan Cherok Tok Kun ini, dari segi usia adalah kira-kira 70 tahun…belum sampai 100 tahun lagi," ujarnya.

Tambah Azman, di hutan tropika, isipadu kayu yang lebih keras adalah mengambil masa lebih lama untuk membesar (berbanding kayu yang kurang keras terasnya), maka dari situ usia satu-satu pokok dikira.

Satu lagi keistimewaan hutan tropika seperti di Taman Rimba Bukit Mertajam, menurut beliau adalah terdapat ratusan spesies tumbuh-tumbuhan dalam satu-satu hektar persegi kawasan.

"Sebabnya, di sini adalah hutan tropika, bukan seperti hutan di negara-negara barat yang mana terdapat satu atau dua jenis pokok sahaja dalam hutan sama.

"Satu hektar persegi ini luasnya lebih kurang 100 meter x 100 meter ataupun lagi mudah seluas satu padang bola… nampak betapa kayanya sumber flora dalam hutan simpan tropika kita," ulasnya.





SEBAHAGIAN flora yang boleh dijumpai.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# 'PERASAAN' alam semula jadi



Sehubungan itu, Azman memberitahu bahawa semua hutan simpan sekitar Pulau Pinang masih wajar dianggap sangat bernilai tinggi walaupun tidak menjana hasil melalui aktiviti pembalakan dan sebagainya kepada Kerajaan Negeri hari ini.

Pun begitu, beliau menyatakan bahawa Taman Rimba Bukit Mertajam dekat Cherok Tok Kun masih terdedah kepada ancaman lain seperti aktiviti mencuri kayu gaharu yang bernilai tinggi.

"Warganegara yang mendaki bukit ini, kalau tidak melalui tiga laluan rasmi dan selamat yang disediakan oleh Renjer Hutan, mereka akan mendaki bukit ikut laluan yang lain untuk mencari kelainan cabaran serta pengalaman.

"Tetapi, warga asing dipercayai dari Thailand, Vietnam dan Kemboja menceroboh hutan di Cherok Tok Kun ini untuk mencuri kayu gaharu yang bernilai tinggi.

"Walaupun Renjer Hutan boleh dikatakan terlatih mengenai selok-belok ilmu pokok di dalam hutan, kita tidak selincah mereka.

"Kalau terserempak dengan kita (Renjer Hutan), mereka tangkas berlawan sebelum melepaskan diri," jelasnya lagi sambil menyifatkan kerjaya sebagai 'Renjer Hutan' juga seumpama menyabung nyawa di medan rimba kalau berdepan dengan penceroboh yang bersenjata tajam.

